



Submission date: 31/05/2021 Accepted date: 10/03/2022

DOI: 10.33102/abqari.vol26no1.400

MAKNA DIRI WANITA MUSLIM MENERUSI PANDANGAN SAID NURSI

The Muslim Women Self-concept Based on Said Nursi's Perspective

Nurul Asiah Fasehah Muhamad^{a1}, Mohd Nazree Mohd Yunus^{b2} & Celal Akar^{c3}

^aUniversiti Sains Islam Malaysia

^bUniversiti Terbuka Malaysia

^cHayrat Foundation, Malaysia

¹nurulasiahfasehah@usim.edu.my

²mohdnazree_mohdyunus@yahoo.edu.com

³a.akar@hayratvakfi.org

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep diri wanita Muslim dari perspektif Badiuzzaman Said Nursi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis dokumen. Sampel kajian yang utama adalah Risalah Pedoman Para Wanita karangan Badiuzzaman Said Nursi. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat empat ciri penting yang digariskan oleh Said Nursi dalam memberikan konsep terhadap wanita iaitu: (1) Memiliki syafaqah (2) Muallim yang paling berkesan (3) takut dengan pandangan lelaki ajnabi dan (4) Sumber akhlak yang baik. Impak kajian ini secara umumnya untuk wanita Muslim dan pengkaji yang terlibat dengan komuniti wanita Muslim.

Kata kunci: Muslim, Islam, konsep kendiri wanita Muslim, pandangan alam.

Abstract

This study aims to analyse the self-concept of Muslim women from the perspective of Badiuzzaman Said Nursi. This study uses a qualitative approach through document analysis. The main sample of the study is the *Risalah Pedoman Para Wanita* by Badiuzzaman Said Nursi. The results of this study showcase four important characteristics outlined by Said Nursi in giving the concept of women, namely: (1) Having *syafaqah* (2) The most effective teacher (3) Being afraid of the views of *Ajnabi*

men, and (4) Source of good *akhlik*. The impact of this study is generally for Muslim women and researchers involved with the Muslim women's community.

Keywords: Muslim, Islam, Muslim Women Self-concept, worldview.

PENGENALAN

Pandangan alam dalam Islam ialah apa yang ditanggap oleh akal mengenai alam semesta berdasarkan kepada sumber yang bersifat integral iaitu wahyu (Quran, Sunnah dan ilham), akal dan pancaindera mengikut kepada tertibnya (Al-Attas, 2019). Alam semesta yang dimaksudkan disini adalah semua perkara yang terdapat di dalamnya samada yang zahir atau sebaliknya. Oleh kerana itu, Islam tidak pernah terasing daripada kehidupan insan. Islam adalah agama dan agama ini dijadikan rujukan dalam setiap perbuatan dan tindakan termasuklah dalam memahami diri insan. Hal ini kerana, Islam menurut pandangan alamnya adalah sebuah cara hidup bukan sekadar ritual amalan.

Pandangan alam Islam memiliki ciri-ciri yang tersendiri yang membezakannya dengan pandangan alam yang lainnya. Ciri yang pertama adalah, pandangan alam Islam adalah asli dan terbukti keabsahannya apabila ia adalah bersumberkan kepada sumber tanzil iaitu sumber wahyu (Al-Attas, 2019b). Selain itu, ia bersifat mutlak dan terakhir kerana pandangan alam Islam tidak bergantung kepada budaya, amalan atau sejarah sesuatu tamadun atau bangsa yang memerlukan ia berubah dan sentiasa berkembang. Pandangan alam Islam mengiktiraf sesuatu perkara itu hakikat(reality) dan benar(truth) berpandukan wahyu dan bukan kepada sifat wujud di alam nyata yang ada pada sesuatu itu. Ini kerana, sesuatu yang hakikat dan kebenaran itu adalah bergantung kepada sumber tanzil yang tetap dan tidak berubah. Sesuatu perkara hakikat adalah benar yang berlawanan dengan batil. Justeru pandangan alam Islam menerima perkara yang benar walaupun tidak wujud di alam nyata sebagai hakikat dan ia mestilah berdasarkan kepada sumber wahyu. Ciri yang terakhir bagi pandangan alam Islam ialah memiliki unsur-unsur yang tetap dan abadi. Ini kerana ia bersumberkan kepada sumber wahyu yang mutlak dan tidak berubah (Al-Attas, 2019c).

Dalam perbincangan pandangan alam Islam insan menjadi sentral. Hubungan Allah SWT dengan insan, hubungan insan dengan alam dan hubungan insan sesama insan merupakan elemen penting yang dibincangkan (Wan Suhaimi, 2019). Menurut pandangan alam Islam, manusia yang hakiki adalah manusia yang benar-benar memiliki sifat-sifat manusawi sebagaimana yang ditetapkan dalam Quran dan Sunnah. Oleh yang demikian, bagi memahami dan memberikan makna yang sebenar kepada diri wanita, maka ia harus dilihat dan dinilai menerusi kerangka pandangan alam Islam apatah lagi apabila berkaitan dengan memberikan makna kepada wanita

Muslim. Hal ini kerana, persepsi yang didasari dengan pandangan alam ini akan mempengaruhi pembentukan sikap dan tingkah laku dalam diri wanita (Al- Ghazali, 2007). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mencadangkan konsep diri wanita menurut perspektif Badiuzzaman Said Nursi. Imam Nursi dipilih kerana beliau merupakan ulama kontemporari dan perjuangan dan pemikiran beliau yang integratif dalam melihat sesuatu isu bersesuaian dengan konteks semasa dalam mendepani pandangan-pandangan serta ideologi sekularisme dan dualisme yang dilihat masih ada pengaruhnya dalam masyarakat.

BADIUZZAMAN SAID NURSI DAN RISALAH AN-NUR

Badiuzzaman Said Nursi dianggap sebagai Mujahid Dakwah, Mufakkir dan Mujaddid abad ke-20. Antara sumbangan besarnya adalah usaha untuk mengekang dan menyelamatkan iman masyarakat Turki daripada ancaman sekularisme yang melanda Turki setelah kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924 (Ahmad Azam, 2015). Said Nursi bertekad untuk membuktikan bahawa Al-Quran adalah ibarat matahari maknawi yang tidak akan padam dan tidak akan dapat dipadamkan. Tekad beliau tersebut sejajar dengan firman Allah swt dalam surah al-Hijr, ayat 9 yang berbunyi: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang menjaganya (Al-Quran,15:9).

Usaha beliau untuk menyelamatkan iman masyarakat Turki yang kuat dihimpit dengan cengkaman daripada luar dan dalam adalah pada mulanya dengan mencadangkan penubuhan sebuah sistem pendidikan atau institusi pengajian yang mengintegrasikan antara akal dan hati. Menurut Said Nursi, ilmu agama adalah cahaya bagi hati, manakala ilmu sains moden adalah cahaya untuk akal. Pengabungan kedua-duanya akan memunculkan hakikat dan meningkatkan keazaman pelajar. Namun usaha itu tidak berhasil dalam bentuk fizikal namun boleh dikatakan berjaya dengan penyebaran makalah-makalah iman beliau sedikit demi sedikit sehingga ke seluruh turki. Walaupun dalam ketika itu beliau dikenakan pelbagai hukuman seperti dipenjarakan dan dibuang daerah, namun beliau melihat tragedi-tragedi tersebut adalah rahmat kepada tersebarnya risalah hakikat-hakikat iman buat kepada penduduk Turki. Hakikat-hakikat iman ini dikenali sebagai Risalah An-Nur. (Hayrat Neşriyat, 2013).

Risalah Nur adalah siri tafsiran Quran secara tematik yang menekankan tentang hakikat iman. Risalah An-Nur mengandungi 130 risalah yang terbahagi kepada empat jilid buku: Kalimat (33 risalah), Maktubat (33 risalah), Lamaat (30 risalah) dan Syu'a'at (15 risalah). Reka bentuk unik Risalah An-Nur ini adalah pada pendekatannya yang berdasarkan pada Maqasid Al-Quran. Said Nursi menggunakan pendekatan perbincangan intelektual dan perumpamaan atau analogi yang mudah difahami untuk menerangkan hakikat-hakikat iman. Salah satu ciri penting Risalah

An-Nur ialah gabungan ilmu agama dan sains moden dalam pentafsiran beliau berkaitan ayat-ayat kauniyyah. Ini kerana, Badiuzzaman Said Nursi juga menguasai dan mahir dalam ilmu agama dan Sains Moden (Ahmad Azam, 2015). Risalah An-Nur bertujuan untuk melindungi dan meneguhkan iman dengan menerangkan intipati dan fakta Al-Quran terutamanya perselisihan mengenai isu-isu pelbagai aspek yang merangkumi keesaan Allah, dunia akhirat, dan banyak lagi topik yang akan datang (Tawil & Akar, 2021).

RISALAH PEDOMAN UNTUK WANITA

Salah satu risalah yang dimuatkan dalam Risalah An-Nur adalah risalah pedoman untuk wanita. Risalah ini membincangkan beberapa topik penting yang berlebar dalam konteks seorang wanita seperti pesanan Said Nursi kepada wanita, risalah hijab dan beberapa noktah dalam bentuk surat. Risalah ini mengembalikan semula kefahaman wanita tentang perkara-perkara asas dan fitrah yang harus diteliti. Risalah ini dijadikan sampel utama kajian ini berikutan maklumat di dalamnya yang sarat dengan manfaat untuk wanita dan sekaligus memberikan makna yang tepat untuk diri seorang wanita Muslimah.

MAKNA DIRI WANITA MUSLIM BERDASARKAN KEPADA PERSPEKTIF BADIUZZAMAN SAID NURSI

Dalam pandangan alam Islam, konsep diri insan boleh ditakrifkan sebagai persepsi insan tentang dirinya dan persekitarannya berdasarkan kepada ilmu yang benar. Perbincangan mengenai konsep diri dalam Islam merangkumi hakikat diri insan dan faktor pembentukan konsep diri insan. Memahami bahawa pembentukan konsep diri insan ada kaitan langsung dengan persepsi yang terbentuk dalam mindanya melalui sumber ilmu yang diperolehnya, maka kajian ini bertujuan untuk menganalisa konsep diri wanita Muslim yang digariskan oleh Badiuzzaman Said Nursi. Pemikiran beliau dikaji kerana beliau merupakan ulama' kontemporari yang berjaya memperlihatkan integrasi ilmu dalam memahami sesuatu perkara. Hal ini bersesuaian dengan hakikat ilmu yang integral sifatnya dan tidak terpecah-pecah akibat kekeliruan yang melanda umat Islam yang masih berakar umbi dan sukar dileraikan.

Said Nursi (2014) mengetengahkan beberapa ciri penting yang memberi makna kepada diri wanita Muslim. Ciri tersebut adalah syafaqah, mu'allim yang paling berkesan, berasa tertekan, risau dengan pandangan lelaki ajnabi, sumber akhlak yang baik, tidak ada masa dan kesempatan untuk keseronokan.

a) Syafaqah

Syafaqah adalah satu bentuk perasaan belas kasihan yang amat mendalam yang kebiasaannya dikesan dalam diri seorang wanita yang bergelar ibu. Perasaan kasih sayang ini tidak mengharapkan apa-pun balasan (Said Nursi, 2014). Said Nursi turut

menggelar wanita sebagai pahlawan kasih sayang kerana sifat pengorbanan yang ikhlas. Sifat kasih sayang yang tulus ini harus didasarkan dengan pandangan alam yang benar, agar kasih sayang yang dimiliki ini tidak menjerumuskan orang yang dikesihai ke dalam neraka malah memberikan mereka kebahagian yang hakiki di dunia dan akhirat.

b) Muallim yang paling berkesan

Said Nursi dalam menerangkan perkara ini menceritakan keadaan dirinya yang telah menimba ilmu daripada 80 000 guru selama 80 tahun kehidupannya, namun baginya pembelajaran yang diasaskan oleh ibunya merupakan didikan yang paling utuh bertapak dalam dirinya. Maka dengan kata lain, wanita menurut Said Nursi adalah muallim yang terbaik bagi anaknya. Justeru, pembelajaran yang dimulakan haruslah pembelajaran yang memberikan makna yang terbaik kepada fitrah kejadian diri anak dan menumbuhkan benih-benih tauhid yang utuh dalam hati sanubarinya.

c) Berasa tertekan, risau dengan pandangan lelaki ajnabi

Fitrah wanita tidak suka diperhatikan dan dilihat lelaki yang bukan mahram. Wanita sedar bahawa mereka perlu menyorokkan tubuh mereka dengan pakaian yang longgar dan menutup aurat. Hal ini kerana, sekiranya seorang lelaki melakukan kemungkaran, maka yang akan menerima kesusahan dan kesukaran dalam tempoh masa yang lama akibat kemungkaran itu adalah wanita.

d) Sumber akhlak yang baik

Melalui sifat wanita yang tulus ini, wanita merupakan sumber akhlak yang baik malah kesempatan untuk mereka berseronok juga hampir tiada. Hal ini kerana hakikatnya mereka dikhususkan untuk kehidupan berkeluarga yang bahagia dalam lingkungan tarbiyah Islamiyyah. Wanita yang menyedari hakikat kesengsaraan yang terpaksa ditanggungnya akibat daripada kemungkaran seorang lelaki secara rela ataupun tidak, akan cenderung untuk menjaga diri dan menyekat diri daripada berseronok di luar batasan syariat yang berkemungkinan membuka ruang untuk dirinya disakiti secara fizikal maupun maknawi.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Wanita mempunyai fitrah yang sangat halus yang memerlukan penjagaan yang rapi. Hadirnya syariat Allah di muka bumi khusus untuk mereka, adalah perisai yang mampu mengawasi diri mereka daripada disakiti. Secara hakikinya, wanita harus diberikan kefahaman dan kepercayaan tentang hakikat dirinya yang dijadikan Allah dengan penuh teliti dan kasih sayang. Ilmu tentangnya haruslah datangnya daripada sumber yang benar iaitu Quran dan Sunnah yang seterusnya membentuk sebuah cara pandang atau dipanggil pandangan alam (Md Asham Ahmad,2019). Pandangan alam yang dipegang oleh individu mempengaruhi cara berfikir dan penilaianya terhadap

sesuatu termasuklah cara dia memberikan persepsi dan penilaian tentang dirinya. Jika sumber ilmu ini berbeza maka akan menatijahkan sebuah kerangka fikir yang turut berbeza. Oleh yang demikian, faham diri insan yang didasari oleh pandangan alam Islam berbeza dengan faham diri insan yang dilihat melalui pandangan alam Barat.

Rene (1844) dalam penemuannya tentang konsep kendiri menyatakan bahawa pemikiran harus dimulakan dengan keraguan sehingga dia mendapat idea tentang kewujudan berdasarkan kepada persepsi yang dibuat melalui pengalaman dan interaksi sosial. Idea yang didatangkan oleh ahli falsafah ini membawa kepada penemuan konsep diri (William James, 1890). Ini berbeza dengan konsep diri menerusi pandangan Islam yang bersumberkan kepada wahyu yang tetap dan bukan bergantung kepada akal dan keraguan. Landasan berfikir yang ditetapkan dalam Islam adalah bermula dengan ilmu yaqin iaitu menerusi sumber tanzil seterusnya menggunakan aqal dan pancaindera untuk mencapai ke arah Ainul yaqin dan Haqqul yaqin.

Melalui sumber ini juga, manusia mengetahui bahawa dirinya telah diciptakan (Al-Mukminun: 12-14) daripada tiada dan diwujudkan dengan amanah dan tanggungjawab iaitu sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah Allah (Al-Attas, 2019). Oleh kerana itu, manusia mengetahui bahawa dia harus tunduk kepada Allah yang telah menciptakannya dan melunaskan tanggungjawabnya sebagai khalifah kepada semua makhluk di muka bumi. Dengan kemampuannya yang terbatas dia telah berhutang diri, daya dan budi dengan Penciptanya dan hanya bergantung kepada Penciptanya secara mutlak (Al-Attas, 2019). Selain itu, melalui sumber ini juga manusia sedar bahawa kehidupannya bukan sahaja untuk dunia malah melalui tiga fasa kehidupan iaitu alam ruh, alam dunia dan alam akhirat dan mengetahui dirinya yang mengandungi dua unsur iaitu ruh dan jasad dan hakikat dirinya diwakili oleh ruh (Al-A'raf:172).

Ilmu ini berbeza dengan konsep kendiri Barat, yang meletakkan sumber ilmunya kepada akal dan pancaindera sahaja. Penekanan kepada diri insan adalah melalui keperluan fizikal insan dan hubungannya dengan persekitarannya (Burns, 1982; Coopersmith& Feldman, 1974; Shavelson, 1982; Fitts, 1971). Menerusi pandangan Badiuzzaman Said Nursi, konsep diri wanita yang digariskan dalam Islam memiliki 4 unsur utama iaitu syafaqah, mu'allim yang yang paling berkesan, berasa tertekan, risau dengan pandangan lelaki ajnabi, sumber akhlak yang baik, tidak ada masa dan kesempatan untuk keseronokan. Keempat-empat ciri ini harus membentuk konsep diri dalam diri wanita Muslim secara tepat bagi mempengaruhi sikap dan tindakannya.

Syafaqah yang dimaksudkan oleh imam Nursi (2014) adalah syafaqah yang hadir bersamanya pengorbanan dan keikhlasan berpandukan kepada kehendak Allah yang

telah ditetapkan. Sebagai wanita yang memiliki konsep diri ini akan berusaha sedaya mungkin untuk mempersiapkan anak-anaknya dengan ilmu yang benar sehingga anak-anaknya mampu mengenal Allah dengan sebenar-benar pengenalan. Hal ini selari dengan tindakan yang telah diambil oleh ibu imam Syafie dalam usaha memberikan anaknya pendidikan terbaik atas dasar syafaqahnya inginkan anaknya mengenali Allah dan mengecapi sebuah kebahagian hakiki disisiNya kelak. Ibu imam Syafie tidak membenarkan anaknya pulang ke rumah sehingga dia telah benar-benar mendalami ilmu. Adakah dia tidak berasa perit dengan perpisahan dengan anaknya? Sudah pasti hal demikian dirasai namun atas dasar inginkan pengorbanan berbaloi dan syafaqah yang tinggi terhadap nasib akhirat anaknya, dia saggup melakukannya. Konsep diri wanita yang tepat selari dengan pandangan alam Islam yang digariskan daripada perspektif Said Nursi ini memandu ibu untuk melakukan sedemikian. Walau bagaimanapun, pengaruh sekularisme yang berjaya bertapak kuat dalam pemikiran masyarakat, menyebabkan pentafsiran syafaqah ini sedikit tersasar. Dikotomi, dualisme dan penumpuan yang tidak sewajarnya kepada perkara berbentuk fizikal (maddi) menyebabkan wanita hanya menumpukan kasih sayang dan pengorbanannya untuk matlamat dunia dan hanya sedikit penumpuan diberikan untuk mashlahah akhirat anak tersebut. Perkara ini kemudiannya menyebabkan pembentukan pandangan alam yang kurang tepat juga dalam kalangan anak-anak mereka. Di sini peri pentingnya untuk para wanita mengetahui dan menyakini hakikat makna dirinya menerusi pandangan alam Islam.

Dalam memahami konsep diri wanita, ilmu yang mendasarinya haruslah juga didasarkan oleh sumber yang benar. Agar tindakan yang bakal berhasil juga adalah benar sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah dan RasulNya. Menurut Said Nursi (2014), wanita adalah Muallim yang paling berkesan dalam konteks pendidikan anak-anaknya. Persepsi yang ibu tonjolkan melalui bahasa tubuh dan komunikasi mahupun tindakannya adalah teladan buat anak-anak. Jadi menyedari hal ini wanita harus mempersiapkan diri dengan ilmu yang memberikan makna diri yang terbaik dan mampu dijelmakan melalui akhlak yang baik.

Perkara ini sejajar dengan saranan Nabi saw untuk memilih wanita yang memiliki empat ciri iaitu: kecantikan, keturunan, kemuliaan dan agama, dan kata Nabi saw jika wanita tersebut memiliki agama maka itulah yang harus didahulukan (Bukhari,1987 no:4802 dan Muslim,1997 no:1466). Tiga ciri insan yang beragama adalah (1) mengetahui dan menginsafi keadaan diri yang berhutang, (2) menaklukkan diri untuk menurut perintah dan (3) memiliki sifat keinsanan (Al-Attas, 2019). Keadaan diri yang insaf bahawa dirinya berhutang diri, budi dan daya kepada Allah SWT yang telah menjadikan dirinya daripada tiada kepada ada (Surah Almukminun: 12-14). Justeru, wanita yang memiliki keinsafan ini akan sentiasa meletakkan kepentingan

dan redha Allah sebagai yang utama dalam dirinya, menjadi insan yang taat dan memiliki penyelarasan total kepada Al-Khaliq.

Perkara ini jugalah yang sudah tentu dihiaskan dalam persekitaran keluarganya dan dalam mendidik anak-anaknya. Oleh kerana, watak ibu adalah watak yang amat penting dan signifikan kepada anak-anak, maka dialah Muallim yang paling berkesan dalam pendidikan anak-anaknya. Jadi, seharusnya, jika konsep diri ini dipegang, maka penghayatan kepada perlunya persiapan diri dengan ilmu yang benar itu didahulukan dalam pendidikan anak-anak perempuan.

Bahkan, dengan perkara ini jugalah wanita sewajarnya berpegang bahawa mereka adalah sumber akhlak yang baik. Dengan menyedari akan hakikat itu, wanita akan sehabis baik mengawal emosinya dan lisannya agar memberikan contoh teladan yang baik kepada generasi yang lahir dalam rumahnya. Selain itu, wanita yang masih belum berkahwin, akhlak yang dijaga rapi memberikan satu persepsi dan tanda ketinggian iman seseorang wanita. Orang di sekitarnya juga akan lebih berwaspada dan menghormati keadan dirinya. Hakikatnya, kesedaran ini dipandu dengan ilmu yang benar yang bersumberkan Quran dan Sunnah. Al-Quran menegaskan untuk wanita menjaga aurat dan pergaulannya. Penerangan ini diberikan secara terperinci di dalam Quran. Hal ini menunjukkan betapa Allah Ar-Rahim menjaga wanita yang fitrahnya tidak gemar menjadi perhatian para lelaki yang bukan mahramnya. Nalurinya yang halus akan mudah tercalar dengan pandangan itu dan akhirnya akan memberikan kesakitan yang mendalam kepada dirinya sendiri (Said Nursi, 2014). Secara fitrahnya wanita amat sukakan kecantikan namun berhias dan mencantikkan diri itu hanya untuk tatapan orang tertentu sahaja malah tegahan Allah untuk berhias secara berlebihan juga turut jelas dalam Quran. Namun, keadaan persekitaran wanita yang bertentangan menyebabkan naluri untuk berhias itu bertukar fungsi dan seolah-olah wanita sedang berlawan dengan fitrah asal kejadiannya. Ia juga berpunca dengan salah faham yang wujud hasil ilmu yang tidak benar.

Oleh yang demikian, wanita harus mempersepsikan dirinya menurut konsep dan makna yang tepat menurut Quran dan Sunnah. Ciri-ciri yang digariskan oleh Badiuzzaman Said Nursi memberikan satu sudut pandang yang jelas tentang makna yang harus dikonsepsikan dalam diri selaku wanita Muslimah. Dalam mendepani keadaan dunia yang penuh kekeliruan, maka paksi-paksi yang digariskan ulama ini harus dipegang kemas agar wanita menjalankan fungsinya yang benar sebagaimana yang Allah kehendaki.

KESIMPULAN

Wanita memiliki peranan yang amat signifikan terutama dalam pembinaan generasi akan datang. Oleh yang demikian, mereka haruslah diberikan kefahaman yang tepat

tentang hakikat diri mereka sebagaimana yang dikehendaki Islam. Konsep dan persepsi yang benar akan membantu mereka kembali melihat diri dalam kaca mata yang lebih jelas sejajar dengan pandangan alam Islam. Sesuai dengan keadaan kontemporer yang menawarkan banyak kekaburuan ilmu, maka pandangan Said Nursi yang merupakan mujaddid ummat yang terkini harus diteliti dan dianalisis. Agar konsep kendiri wanita Muslim dapat dikembalikan dengan makna yang tepat menurut Quran dan Sunnah.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, M. (2015). Islamization of knowledge and educational development: The case of Bangladesh. *International Journal of Islamic Thoughts*, 4(1): 95-112.
- Alavifar A, Karimimalayer M, Anuar M. K. (2012). The first and second generation of multivariate techniques. *Engineering Science and Technology: An International Journal (ESTIJ)*, 2(2), 326-329.
- Abdul Malik Abdul Karim. (2018). *Tafsir Azhar*. Selangor: PTS Publishing House.
- Abdullah Bin Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran (30 Juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- Ahmad Azam Ab Rahman. (2015). Imam Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960): Sejarah perjuangan dan implikasi kepada usaha dakwah. Konvensyen Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2019a). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. .Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*.Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2019c). *Islam faham agama dan atas akhlak*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2019b). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdillah Muhammad Bin Isma'il Bin Ibrahim Ibn Al-Mughirah Bin Bardazbah Al-Ja'fi. (1987). *Sahih al-Bukhari*. Edisi ke-3. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghazali, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (1997). *The alchemy of happiness*. New Delhi: Islamic Book Service.
- Biro Kajian Ilmiah. (2011). *Badiuzzaman dan dakwah risalah an-Nur*. Istanbul, Turki: Penerbitan Altinbasak.
- Burns, R. B. (1979). *The self-concept in theory, measurement, development and behaviour*. London: Longman.
- Burns, R. B. (1982). *Self concept development and education*. London: Holt, Renehart and Winson.
- Burns, R. B. (2000). *Introduction of research method*. London: Sage Publication.

- Coopersmith, S., & Feldman, R. (1974). Fostering a positive self-concept and high self-esteem in the classroom. In R. H. Coop & K. White (Eds.), *Psychological concepts in the classroom* (pp. 192–225). New York: Harper and Row.
- Fitts, W. H. (1965). *Tennessee self-concept scale*. Nashville: Counselor Recordings and Tests.
- Fitts, W. H., Adams, J., Radford.F. Richard.W, Thomas, B. & Thomson, W. (1971). *The Self-Concept and Self-Actualization*. Nashville: Counselor Recording and Tests.
- Hayrat Neşriyat. (2013). *Bediüzzaman Said Nursi ve Hayrul Halefi Ahmed Hürev Altınbaşak*. Isparta: Hayrat Neşriyat.
- Mohd Zaidi Ismail. (2018). *Aqal, ilmu dan pendidikan kerangka Ahli Sunnah wal Jamaah*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Muslim Bin al-Hajaj al-Qusyairi. (2004). *Sahih Muslim*. Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi,
- Rogers, C. R. (1951). *Client-Centered Therapy*. Boston: Houghton Mifflin.
- Ruhi Ba'albaki. (2004). *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li Maliyin.
- Said Nursi. (2014). Pedoman Para Wanita. Bangi: Pemikiran Nur.
- Shavelson. (1982). Self-concept: The interplay of theory and methods. *Journal of Educational Psychology*, 74(1): 3-17.
- Siti Fatimah Mohd Tawil, & Celal Akar. (2021). Exploring the Repository of Religious Texts to Explore the Universe: Risale-i Nur Approaches. *The Journal of Risale-I Nur Studies*, 4(1), 28–39.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2018). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naqiub Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu Makna Dan Menifestasi Dalam Sejarah Dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: CASIS dan HAKIM.
- Wan Suhami Wan Abdullah. (2019). *Hakikat insan dan kebahagiaan*. WISE 2019. Kuala Lumpur: DBP.